MEMBANGUNKAN PENUNJUK MAPAN UNTUK PENILAIAN IMPLEMENTASI LA21 DI MALAYSIA

NURULHUDA BINTI MAT MAHYEN

TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA SAINS DENGAN KEPUJIAN

PROGRAM SAINS SEKITARAN
SEKOLAH SAINS DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

MAC 2005

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PUMS 99:1

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: MEMBANGUNKAN PENUNJUK MAPAN UNTUK PENILAIAN IMPLEMENTASI LA21 DI MALAYSIA

Ijazah: IJAZAH SARJANA MUDA SAINS DENGAN KEPUJIAN

SESI PENGAJIAN: 2002/05

Saya NURULHUDA BINTI MAT MAHYEN

(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (LPS/Sarjana/Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (/)

[/]	SULIT	(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)
[ ]	TERHAD	(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)
[ ]	TIDAK TERHAD	

Disahkan oleh

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: NO. 11-G-1, Permatang Damar Laut, 11960 Batu Maung, Penang.

Dr. Yun Leong Wan
Nama Penyelia

Tarikh: 24/3/05

Tarikh:

CATATAN: * Potong yang tidak berkenaan.

** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah dijelaskan sumbernya.

22 Februari 2005

NURULHUDA MAT MAHYEN
HS2002-3910

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN OLEH

Tandatangan

1. **PENYELIA**
   (DR. VUN LEONG WAN) _____

2. **PEMERIKSA 1**
   (CIK KAMSIA BUDIN) _____

3. **PEMERIKSA 2**
   (CIK FARRAH ANIS FAZLIATUL ADNAN) _____

4. **DEKAN**
   (PROF. MADYA. DR. AMRAN AHMED) _____

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Segala puji-pujian kepada Allah s.w.t, selawat dan salam kepada Rasulullah s.a.w dan para sahabat, amin. Dengan limpah kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan penulisan disertasi ini dengan sempurna dalam jangkamasa yang ditetapkan. Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pensyarah saya serta merangkap penyelia iaitu Dr. Vun Leong Wan yang banyak memberi tunjuk ajar serta bimbingan bagi menyiapkan disertasi ini dalam kajian mengenai "Penunjuk Mapan untuk Penilaian Implementasi LA21 di Malaysia".

Sehubungan itu juga, tidak dilupakan kepada pihak Majlis Daerah Kerian (MDK) yang banyak menyumbang terhadap maklumat yang diperlukan serta memberi kerjasama yang begitu memberangsangkan. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Habibah Hashim iaitu sebagai Pembantu Tadbir di Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) yang banyak membantu semasa saya mencari bahan rujukan di sana. Tidak lupa juga kepada beberapa agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam memberi maklumat bagi Local Agenda 21.

Tidak ketinggalan juga buat ibubapa dan keluarga saya yang selama ini sentiasa mendoakan kejayaan dan memberikan sokongan padu dari segi moral dan kewangan sepanjang tempoh saya menyiapkan disertasi ini. Tanpa bantuan dari pihak sekalian adalah agak mustahil saya dapat menyiapkan disertasi ini dengan jayanya. Terakhir adalah rakaman jutaan terima kasih buat teman-teman serta pihak kakitangan Universiti Malaysia Sabah dan pihak lain yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung kerana sudi bekerjasama dengan saya. Semoga Alllah s.w.t akan membalas segala jasa baik yang telah diberikan kepada saya.

Sekian, terima kasih.

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Dalam kajian ini, objektif utama adalah untuk membangunkan satu set penunjuk mapan yang sesuai untuk menilai implementasi Projek Perintis Local Agenda 21(LA21) di Malaysia. Manakala objektif kedua adalah menggunakan penunjuk yang dibangunkan untuk mengukur pelaksanaan program LA21 di salah satu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah di pilih iaitu Majlis Daerah Kerian (MDK). Seterusnya, penunjuk mapan yang dibangunkan ini digunakan untuk mengukur pelaksanaan Projek LA21 di MDK dari aspek ekonomi, alam sekitar dan sosial. Kesimpulan dari kajian menunjukkan set penunjuk mapan yang dibangunkan adalah sesuai digunapakai di Malaysia untuk menilai arah pembangunan negara dan secara keseluruhannya, pertimbangan konsep pembangunan mapan diambilkira di dalam Projek LA21 yang dilaksanakan oleh MDK.

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

ESTABLISHING SUSTAINABLE INDICATORS FOR THE ASSESSMENT OF LA21 IMPLEMENTATION IN MALAYSIA

In this research, the main objective is to establish a set of sustainable indicators for the assessment of Local Agenda 21(LA21) implementation in Malaysia. Secondary objective is to use the indicators to assess the LA21 implementation programs in one of the local authorities which had been selected, namely Kerian District Council. The sustainable indicators established are used to measure LA21 Project in Kerian District Council from economic, environment and social aspect. This study showed that the set of sustainable indicators established were suitable for use in Malaysia to evaluating our country's development towards sustainability. It was also found that consideration of sustainable development was being taken into account in the LA21 Project in Kerian District Council.

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

KANDUNGAN

		Muka Surat
PENGAKUAN		ii
PENGESAHAN		iii
PENGHARGAAN		iv
ABSTRAK		v
ABSTRACT		vi
SENARAI KANDUNGAN		vii
SENARAI JADUAL		ix
SENARAI RAJAH		x
SENARAI SINGKATAN		xi
BAB 1	**PENDAHULUAN**	
1.1	PENGENALAN	1
1.2	OBJEKTIF KAJIAN	2
1.3	KEPENTINGAN KAJIAN	3
BAB 2	**ULASAN PERPUSTAKAAN**	
2.1	DEFINISI PEMBANGUNAN MAPAN	4
2.2	PERKEMBANGAN KONSEP PEMBANGUNAN MAPAN	7
	2.2.1 Perkembangan di Luar Negara	7
	2.2.2 Perkembangan di Malaysia	8
2.3	PRINSIP PENGURUSAN ALAM SEKITAR	10
2.4	INISIATIF LOCAL AGENDA 21 DI LUAR NEGARA	11
	2.4.1 Contoh LA21 Yang Dijalankan Di Luar Negara	13
	2.4.2 Faedah LA21 Di Luar Negara	15
2.5	STRATEGI PEMBANGUNAN MAPAN	16
2.6	LAPORAN STATUS PEMBANGUNAN MAPAN MALAYSIA	22
2.7	LOCAL AGENDA 21 (LA21) MALAYSIA	23
	2.7.1 Objektif LA21	24

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

	2.7.2 Tapak-Tapak Projek Perintis LA21	25
	2.7.3 Sokongan UNDP	26
2.8	PRINSIP-PRINSIP LA21 MALAYSIA	27
2.9	CIRI-CIRI PROGRAM LOCAL AGENDA 21 MALAYSIA	29
2.10	STRUKTUR ORGANISASI LA21 MALAYSIA	29
	2.10.1 Fungsi Jawatankuasa LA21	31
	2.10.2 Organisasi Yang Terlibat Dalam LA21 Malaysia	32
2.11	KAEDAH PELAKSANAAN LOCAL AGENDA 21	34
2.12	FAEDAH PROGRAM LA21 DI MALAYSIA	37
2.13	PENGLIBATAN MASYARAKAT DALAM PROJEK LA21	38
2.14	MENGUKUR PEMBANGUNAN MAPAN LA21	39
	2.14.1 Penunjuk Pembangunan Mapan (PPM)	39
	2.14.2 Konsep Penunjuk Pembangunan Mapan LA21	42
2.15	PERKEMBANGAN PENUNJUK PEMBANGUNAN MAPAN	
	2.15.1 Perkembangan Peringkat Global	43
	2.15.2 Perkembangan Peringkat Kebangsaan	46
2.16	KERANGKA PELAKSANAAN PENUNJUK MAPAN LA21	47
	2.16.1 Perubahan Rangka Pemikiran	48
	2.16.2 Perubahan Dasar dan Perundangan	49
	2.16.3 Perubahan Governans	49
	2.16.4 Perubahan Aktiviti dan Cara Bekerja	50

BAB 3 KAEDAH

3.1	PENGENALAN	52
3.2	BAHAN BAGI PEMBINAAN PENUNJUK MAPAN LA21	53
3.3	KAEDAH PEMBINAAN PPM BAGI LA21 MALAYSIA	54
	3.3.1 Perolehan Laporan Prestasi Pelaksanaan LA21	55
	3.3.2 Penyediaan Konsep dan Set Awal PPM	55
	3.3.3 Pemilihan Penunjuk Secara Konsensus	56
	3.3.4 Penginstitusian PPM dan Proses Pelaporan	56

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Bab 4 HASIL DAN PERBINCANGAN

4.1 PENGENALAN 57

4.2 PENUNJUK PEMBANGUNAN EKONOMI MAPAN

4.2.1 Perbincangan Penunjuk Ekonomi Mapan Jangka Panjang 58

4.2.2 Perbincangan Penunjuk Ekonomi Mapan Jangka Pendek 60

4.3 PENUNJUK PEMBANGUNAN ALAM SEKITAR DAN SUMBER ASLI MAPAN

4.3.1 Perbincangan Penunjuk Alam Sekitar Jangka Panjang 62

4.3.2 Perbicangan Penunjuk Alam Sekitar Jangka Pendek 64

4.4 PENUNJUK PEMBANGUNAN MASYARAKAT MAPAN

4.4.1 Perbincangan Penunjuk Masyarakat Jangka Panjang 67

4.4.2 Perbincangan Penunjuk Masyarakat Jangka Pendek 69

4.5 PRESTASI PELAKSANAAN LA21 DI MDK 73

4.6 AGENDA PEMBANGUNAN MAPAN DAN CABARANNYA KEPADA MALAYSIA 76

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 KESIMPULAN 78

5.2 CADANGAN 79

RUJUKAN 82

LAMPIRAN 85

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
4.1	Penunjuk ekonomi mapan jangka panjang	53
4.2	Penunjuk ekonomi mapan jangka pendek	55
4.3	Penunjuk alam sekitar dan sumber asli mapan jangka panjang	57
4.4	Penunjuk alam sekitar dan sumber asli mapan jangka pendek	60
4.5	Penunjuk masyarakat mapan jangka panjang	62
4.6	Penunjuk masyarakat mapan jangka pendek	67
4.7	Pelaksanaan aktiviti oleh Majlis Daerah Kerian	70

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Keseimbangan antara pembangunan mapan	6
2.2	Struktur organisasi Projek Perintis LA21	31
2.3	Kaedah perlaksanaan Local Agenda 21 Malaysia	36
3.1	Kaedah pembinaan penunjuk mapan LA21 Malaysia	54

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

WCED	World Commission on Environment and Development
UNCED	United Nations Conference on Environment and Development
ICLEI	International Council of Local Environment Initiatives
LA21 MCP	LA21 Model Community Programme
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PPM	Penunjuk Pembangunan Mapan
PPRT	Program Pembangunan Rakyat Termiskin
KSAS	Kawasan Sensitif Alam Sekitar
SOx	Sulfur Oksida
NO	Nitrogen Oksida
PM_{10}	Particulate Matter 10
IPU	Indeks Pencemar Udara
PIBG	Persatuan Ibubapa dan Guru
MDK	Majlis Daerah Kerian
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
HSK	Hutan Simpan Kekal

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Agenda 21 adalah Pelan Tindakan Global Ke Arah Pembangunan Mapan Untuk Abad Ke-21. Ia dihasilkan melalui deklarasi Earth Summit di Rio De Janeiro, Brazil pada tahun 1992. Persidangan ini telah dihadiri oleh 178 buah negara termasuk Malaysia. Pelan Tindakan Global mengandungi 40 bab yang menghuraikan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan ke arah pembangunan mapan. Bab 28 dalam Agenda 21 menekankan peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam melaksanakan pembangunan mapan di peringkat tempatan menerusi Program Local Agenda 21 (LA21). Maka, LA21 merupakan suatu program yang melibatkan perkongsian pintar antara tiga pihak iaitu PBT, masyarakat dan sektor swasta yang bekerjasama untuk merancang dan menguruskan kawasan persekitaran ke arah pembangunan mapan dan peningkatan kualiti hidup (Reid *et al.*, 1994).

Di Malaysia, satu pelancaran Projek Perintis dan Seminar Kebangsaan LA21 yang dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Ong Ka Ting, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah diadakan pada 17 Oktober 2000. Projek ini dilaksanakan setelah meneliti banyak faedah berguna boleh diperolehi melalui LA21 yang terlebih

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

dahulu telah dipraktikkan diluar negara. Melalui Projek Perintis LA21, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia (KPKT) telah diberi tanggungjawab sepenuhnya untuk mengendalikan projek ini. Sebagai permulaan, KPKT telah memilih empat buah PBT sebagai tapak projek. Tugas empat buah PBT ini ialah melaksanakan program dan aktiviti pelan-pelan tindakan LA21 yang telah dirancang. Untuk menilai sejauhmana perjalanan program dan aktiviti pelan tindakan yang dilaksanakan, satu set penunjuk mapan harus di gunapakai. Setakat ini belum ada lagi penunjuk mapan yang sesuai untuk menilai aktiviti dan pelan tindakan yang di laksanakan untuk Projek LA21 di Malaysia. Dengan ini, adalah sukar untuk menilai samaada negara Malaysia sedang menuju ke arah kemapanan atau tidak. Maka untuk menilai samaada Malaysia sedang menuju kearah pembangunan mapan atau tidak, satu set penunjuk mapan yang sesuai harus digunakan. Seterusnya penunjuk yang dibangunkan itu nanti boleh di aplikasikan di PBT lain dalam negara (LESTARI, 2000).

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk memenuhi beberapa objektif iaitu :

i) membangunkan satu set penunjuk mapan yang sesuai untuk menilai pelaksanaan projek LA21 di Malaysia

ii) menggunakan penunjuk yang disediakan untuk menilai pelaksanaan program LA21 di salah sebuah PBT yang telah dipilih

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.3 KEPENTINGAN KAJIAN

Melalui kajian yang telah dijalankan mengenai Projek Perintis Local Agenda 21 di Malaysia, didapati bahawa kajian ini dapat menyumbang dalam perancangan dan penilaian projek LA21 yang dilaksanakan untuk memperbaiki lagi kualiti hidup di dalam negara. Setelah satu set penunjuk mapan yang sesuai dibangunkan, maka ia berkebolehan digunakan untuk menilai samaada negara Malaysia sedang menuju ke arah kemapanan atau tidak.

Setiap negara atau negeri mempunyai corak geografi, budaya dan taraf ekonomi yang berbeza. Dengan itu setiap penunjuk pembangunan mapan yang digunakan adalah berlainan untuk setiap negara atau negeri. Maka, kajian yang dijalankan ini dapat menguji samaada penunjuk pembangunan mapan yang digunakan untuk penilaian pelaksanaan implementasi projek LA21 di Malaysia adalah bersesuaian atau tidak. Dengan adanya penunjuk mapan yang dibangunkan ini, maka kestabilan antara ekonomi, sosial dan alam sekitar akan terpelihara. Oleh itu, kesejahteraan semua makhluk di bumi akan terjamin (Azizan Hj. Baharuddin, 1992).

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 2

ULASAN PERPUSTAKAAN

2.1 DEFINISI PEMBANGUNAN MAPAN

Suruhanjaya Dunia mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (*World Commission on Environment and Development* -WCED) telah menakrifkan pembangunan mapan sebagai "pembangunan yang membolehkan generasi semasa memenuhi keperluannya tanpa mengkompromikan kemampuan generasi mendatang memenuhi keperluan mereka" (Perman *et al.*, 1996).

Pembangunan mapan telah mendasari perbincangan semasa Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (*United Nations Conference on Environment and Development* - UNCED) di Rio de Janeiro pada tahun 1992. Persidangan Earth Summit di Rio de Janeiro yang diadakan pada Jun 1992 menghasilkan 5 dokumen yang penting iaitu Pengisytiharan Rio mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan, Persetujuan Kepelbagaian Biologi, Rangkakerja Persetujuan mengenai Perubahan Iklim, Prinsip Pengurusan Hutan dan Agenda 21 (Perman *et al.*, 1996).

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Walaupun UNCED tidak memberi takrif praktikal untuk konsep pembangunan mapan, pelan tindakan sejagat untuk mencapai pembangunan yang dihasilkan daripada persidangan tersebut dan dikenali sebagai Agenda 21 memberikan garispanduan yang sangat komprehensif kearah pembangunan mapan (Reid *et al.*, 1994).

Berdasarkan dokumen Agenda 21, takrifan praktikal pembangunan mapan boleh difahami sebagai pembangunan yang mengambilkira dengan serius kesan pembangunan terhadap alam sekitar, sumber asli dan masyarakat setempat. Takrifan ini telah diterimapakai dalam penyediaan Projek Local Agenda 21 Malaysia iaitu dengan menggabungkan pengertian teori pembangunan mapan dan pelan tindakan untuk mencapai hasrat ini. Dalam laporan Local Agenda 21 ini takrifan alam sekitar yang lebih luas dan meliputi persekitaran sosio-budaya digunakan (MHLG, 2002).

Agak sukar untuk memberikan pengertian pembangunan mapan yang dapat diterjemahkan dengan jelas untuk suatu dasar pembangunan yang praktikal. Bagaimanapun, berdasarkan pengalaman pembangunan sejagat yang telah dilalui sehingga kini, ciri-ciri pembangunan yang dikatakan tidak mapan itu ialah pembangunan yang :

- Menghabiskan sumber asli
- Menggunakan bahan dan tenaga secara membazir
- Menyebabkan kemerosotan mutu alam sekitar dan
- Menggalakkan corak konsumsi sumber secara berlebihan.

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Cici-ciri pembangunan yang dianggap mapan pula ialah apabila :

- Stok sumber asli tetap kekal terpelihara
- Penggunaan bahan dan tenaga dilakukan secara jimat
- Mutu alam sekitar terpelihara
- Transformasi modal asli kepada modal buatan dibataskan; dan
- Kitaran stok sumber (buatan dan asli) sentiasa diberikan perhatian (Abd. Rahim Abd. Rashid, 2000).

Dalam konteks keseluruhan dan pada prinsipnya pembangunan mapan adalah pembangunan yang abadi dan dicirikan sekurang-kurangnya oleh pengekalan sumber asli, memelihara mutu alam sekitar dan menjamin kesejahteraan masyarakat (Rajah 1.1). Dalam erti kata lain, pembangunan mapan ialah pembangunan yang mengimbangkan pembangunan ekonomi dengan keperluan-keperluan sosial dan alam sekitar (Mohaini Tajuddin., 1989).

Rajah 2.1 Keseimbangan antara pembangunan mapan

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2.2 PERKEMBANGAN KONSEP PEMBANGUNAN MAPAN

2.2.1 Perkembangan Di Luar Negara

Konsep pembangunan mapan yang difahami pada masa ini pertama kali muncul pada tahun 1980 dalam terbitan Kesatuan Antarabangsa Pemuliharaan Alam Semulajadi dan Sumber Asli (*International Union for the Conservation of Nature and Natural Resources* – IUCN) bertajuk *World Conservation Strategy*. Sebelumnya konsep kemapanan telah sedia tersirat dalam beberapa teori ekonomi klasik Ricardo, Malthus dan Mills yang mencadangkan berlakunya batasan-batasan kepada pertumbuhan dan pembangunan ke arah suatu keadaan malar (*steady state*). Keadaan malar tersebut boleh dianggap sebagai suatu bentuk pembangunan mapan di mana kebolehdapatan sumber asli menentukan skala sesuatu ekonomi. Kemunculan ekonomi neoklasik dengan kaedah-kaedah analisisnya yang formal dan kejur (*rigid*), menghilangkan pengaruh ekonomi klasik dan merupakan sebab utama mengapa pergantungan penghasilan ekonomi, pertumbuhan kepenggunaan, penyediaan khidmat kebajikan dan penggunaan sumber asli dan alam sekitar, kurang diberi perhatian dalam usaha membangunkan ekonomi (Perman *et al.*, 1996).

Kemunculan konsep pembangunan mapan pada awal tahun 1980an melambangkan penerimaan masyarakat sedunia bahawa semua negara perlu membangun dengan cara yang kurang menjejaskan alam sekitar. Dengan itu, kemapanan pembangunan lebih terjamin dan rancangan-rancangan pembangunan mampu mengisi jurang yang wujud antara pemuliharaan alam sekitar dan pencapaian pembangunan (UNDP, 2000).

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Walaupun pembangunan mapan menjadi konsep popular hanya selepas penerbitan laporan WCED yang bertajuk *Our Common Future* pada tahun 1987, beberapa peristiwa dan penerbitan penting sebelum itu telah merintis jalan ke arah kemunculan falsafah pembangunan mapan. Antaranya ialah :

- Persidangan Stockholm pada tahun 1972 mengenai Persekitaran Manusia (*The Human Environment*);
- Penubuhan Program Alam Sekitar, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Environment Programme* – UNEP) pada tahun 1972;
- Penerbitan laporan *Limits to Growth* oleh Medows pada tahun 1972; dan
- Penerbitan buku *The Resourceful Earth* oleh Simon dan Kahn dalam tahun 1984 (Perman *et al.*, 1996).

2.2.2 Perkembangan Di Malaysia

Sebelum ketetapan UNCED diisytihar dan diterimapakai oleh kebanyakan negara dunia, konsep pembangunan mapan telah mendapat perhatian Ketua-ketua Negara Komanwel yang telah bermesyuarat di Malaysia pada tahun 1989. Kenyataan iltizam mereka yang termaktub dalam Perisytiharan Langkawi mengenai Alam Sekitar (*The Langkawi Declaration on the Environment*) jelas menekankan peri pentingnya membangun dengan mapan melalui pemuliharaan alam sekitar (Peterson *et al.*, 1999).

Selepas perisytiharan ini, beberapa forum serantau telah juga mencadangkan resolusi kesepakatan mengenai pembangunan mapan. Antara yang utama ialah *The Kuala Lumpur Accord on Environment and Development* yang dipersetujui oleh semua Menteri Alam Sekitar Negara ASEAN dalam mesyuaratnya pada bulan Jun

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1990 dan perisytiharan menteri-menteri negara membangun bertajuk *Kuala Lumpur Declaration on Environment and Development* yang diisytiharkan pada bulan April 1992 (Peterson *et al.*, 1999).

Mulai pada tahun 1993 konsep pembangunan mapan dan cadangan pelan pelaksanaannya yang digariskan dalam Agenda 21, telah mula diterapkan dalam proses merancang pembangunan di Malaysia, iaitu apabila Rancangan Malaysia Ke-6 (1991-1995) dikaji semula. Selanjutnya, konsep ini telah dijadikan landasan untuk menyediakan Rancangan Malaysia Ke-7 (1996-2000) yang menekankan fahaman "pembangunan seimbang dan mapan" yang diterjemahkan sebagai langkah untuk menjamin supaya pertimbangan perlindungan alam sekitar dan kesejahteraan sosio-ekonomi dipertimbangkan serentak dalam usaha merancang pembangunan negara. Ke arah menganuti konsep pembangunan mapan, usaha perlindungan alam sekitar semakin disatukan dengan proses merancang pembangunan (LESTARI, 2000).

Menganjak paradigma pembangunan ekonomi dan masyarakat kepada paradigma pembangunan mapan memerlukan semua perancang, pengurus dan pelaksana pembangunan mengambilkira pelbagai ketidakpastian di dalam usaha mengubahsuai masa hadapan masyarakat melalui pembangunan. Namun begitu, cara konsep pembangunan mapan diterapkan ke dalam perancangan pembangunan memerlukan suatu takrifan praktikal bagi membolehkan pengamal dan pelaksana pembangunan mengoperasikan corak pembangunan yang secocok dengan konsep pembangunan mapan (Peterson, 1997).

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2.3 PRINSIP PENGURUSAN ALAM SEKITAR

Selain daripada Prinsip-Prinsip Rio ini terdapat empat prinsip asas berkaitan pengurusan alam sekitar yang harus mendasari semua usaha ke arah mencapai pembangunan mapan sesebuah negeri atau negara. Empat prinsip ini ialah :-

- **Pencemar Perlu Membayar.** Prinsip ini mendasari alokasi kos mengelakkan pencemaran dan kos langkah kawalan yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan apabila aktiviti yang membawa kepada pembangunan menyebabkan pencemaran.
- **Prinsip Pengguna Membayar.** Pada asasnya, mereka yang mendapat manfaat daripada sesuatu aktiviti yang membawa pembangunan, hendaklah membayar kos sepenuh aktiviti berkenaan. Kos penuh ini, bukan terbatas kepada kos bahan dan perkhidmatan yang diperlukan untuk aktiviti tersebut, tetapi meliputi juga kos kehabisan sumber dan degradasi alam sekitar yang diakibatkan oleh aktiviti berkenaan.
- **Prinsip Berwaspada.** Dalam pembangunan mapan, prinsip ini dijadikan pegangan apabila diduga akan berlaku ancaman kerosakan alam sekitar yang ketara dan serius. Kekurangan kepastian fakta sains tidak boleh digunakan sebagai alasan untuk melewatkan pelaksanaan langkah untuk mengelakkan kemerosotan mutu alam sekitar.
- **Prinsip Subsidiariti.** Prinsip ini merujuk kepada kecenderungan membuat keputusan politik di peringkat terendah iaitu sedekat mungkin kepada masyarakat setempat. Dalam Prinsip Rio dinyatakan bahawa isu alam sekitar sebaiknya diuruskan dengan penyertaan rakyat di paras yang berkaitan (Prinsip 10 Rio-UNCED) (LESTARI, 2000).

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2.4 INISIATIF LOCAL AGENDA 21 DI LUAR NEGARA

Local Agenda 21 bukan hanya dijalankan di Malaysia. Mengikut kajian *International Council of Local Environment Initiatives* (ICLEI), terdapat lebih daripada 1800 PBT dari 64 buah negara yang terlibat dengan aktiviti Local Agenda 21 (sehingga hujung tahun 1997) yang ditumpukan di 11 buah Negara iaitu Australia, Bolivia, China, Denmark, Finland, Jepun, Netherlands, Norway, Rep. Korea, Sweeden dan United Kingdom (UNDP, 2000).

Di rantau Asia Pasifik, negara-negara yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti Local Agenda 21 terbahagi kepada dua iaitu negara yang tiada kempen kebangsaaan dan dengan mempunyai kempen kebangsaan. Bagi negara yang tiada kempen kebangsaan termasuklah Negara India, Indonesia, Nepal, New Zealand, Papua New Guinea, Thailand dan Vietnam. Manakala Negara yang ada kempen kebangsaan pula ialah seperti Negara Australia, China, Jepun, Korea, Filipina dan Malaysia (MHLG, 2002).

Susulan dari deklarasi "Earth Summit", ICLEI telah melancarkan satu program kajian tindakan antarabangsa untuk rancangan pembangunan mapan pada tahun 1994. Program ini dikenali sebagai Program Model Komuniti Local Agenda 21, di mana ia telah menjalinkan hubungan dengan empat belas Majlis Perbandaran di dua belas buah negara di seluruh dunia. Program ini telah mendapat sumbangan daripada *International Development Research Centre* (IDRC), *United Nations Development Programme* (UNDP) dan Kementerian Hubungan Luar Netherlands (UNDP, 2000).

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

RUJUKAN

Abd. Rahim Abd. Rashid, 2000. *Wawasan Pembangunan: Isu dan Cabaran.* Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, Kuala Lumpur.

Adam Smith, 1992. *Wealth of The Nation.* Earthscan Publications Ltd, London.

Australia Government Department of the Environment & Heritage (DEH), 2002. *Report Against Headline Sustainability Indicators.* http://www. deh.gov.au/esd/national/indicator/index.html.

Azizan Hj. Baharuddin, 1992. *Environment and Development: Ethical & Education Considerations.* Institut Kajian Dasar (IKD), Kuala Lumpur.

Barton, H. & N. Bruder, 1995. *A guide to local environmental auditing.* Eartscan Pub. Ltd, London.

Boulding K.E., 1971. *Economic of Pollution.* University Press, New York.

Bowers, J., 1997. *Sustainability and Environmental Economics.* Pearson Education Limited, England.

Canter L.W., 1977. *Environmental Impact Assessment.* McGraw- Hill Book Co, New York.

Dasmann R., 1970. *Environmental Conservation.* John Wiley and Sons, New York.

Fedorov E.K., 1973. *The Interaction of Man and the Environment: The Environmental Revolution.* Education Foundation for Nuclear Science, Illinois.

Gould J.P dan C.E Fergusen, 1980. *Microeconomic Theory.* Richard and Irwin, Inc, Illinois.

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Harris, J. M., 2001. *A Survey of Sustainable Development. Social & Economic Dimensions*. Island Press, USA.

Hatfield, S. B., dan Evans, B., 1996. *Environmental Planning and Sustainability*. John Wiley & Sons, England.

Jeroen, C. J. M., 1996. *Ecological Economics and Sustainable Development. Theory, Methods and Applications*. Edward Elgar Publishing Ltd, UK.

Jussila, H., Majoral, R. dan Cullen B., 2002. *Sustainable Development & Geographical Space*. Ashgate Publishing Company, England.

LESTARI, 2000. *Strategi Pembangunan Mapan dan Agenda 21 Selangor*. Institut Alam Sekitar & Pembangunan, UKM, Selangor.

Majlis Daerah Kerian (MDK), 2003. *Laporan Prestasi Program Local Agenda 21 Tahun 2003*.

Maser, C., 1997. *Sustainable Community Development. Principle & Concepts*. St. Lucie Press, USA.

Ministry of Housing & Local Government (MHLG), 2002. *Local Agenda 21 Pilot Project*.
http://www.kpkt.gov.my/

Mohaini Tajuddin, 1989. *Teori Ekonomi Alam Sekitar*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Mohd. Shukri Haji Abdullah, 1992. *Strategi Pembangunan Desa: Semenanjung Malaysia*. Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur.

Nik Azis Nik Pa, 1994. *Penghayatan Wawasan Pembangunan Negara*. Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Perman, R., Ma, Y. dan McGilvray, J., 1996. *Natural Resource & Environmental Economics*. Addison Wesley Longman Ltd, USA.

Peterson, P. J., 1997. *Indicators of Sustainable Development in Industrializing Countries. From Concept To Action*. LESTARI, UKM Selangor.

Peterson, P. J., Sham Sani dan Mohd Nordin, 1999. *Indicators of Sustainable Development in Industrializing Countries. Key Indicators for Tropical Cities*. LESTARI, UKM Selangor.

Reid, J. C., Allen, R. P. dan Barry S. B., 1994. *Strategies for National Sustainable Development: A Handbook for their Planning & Implementation*. Earthscan Publications, London, UK.

Seneca J.J. dan M.K Taussiq, 1979. *Environmental Economic*. New Jersey: Prentice Hall Inc.

Sustainable Penang Initiative: Penang People's Report, 1999. Socio-Economic & Environmental Research Institute (SERI), Pulau Pinang.

Troost C.J., 1973. *Environmental Education : A Sourcebook*. New York: John Wiley and Sons Inc.

United Nations Development Programme (UNDP), 2000. *Local Agenda 21*. http://www.undp.org/fomys/undpof/role2.htm.

United Nations for Sustainable Development (UNSD), 2004. *Indicators of Sustainable Development*. http:// www. un.org/esa/sustdev/media/Brochure.

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH